

## Kaedah Memahami Makna al-Quran dalam Pengintegrasian Ayat Hafazan dengan Ilmu Aqli

[Method Of Comprehending the Meaning of al-Quran in Integrating Memorised Verses with Aqli Knowledge ]

Ahmad Bazli Ahmad Hilmi<sup>1\*</sup>, Muhammad Hafiz Saleh<sup>2</sup>, Adibah Sulaiman @ Mohamad<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Kolej GENIUS Insan & Calon Doktor Falsafah, Pusat Pengajian Siswazah (PPS), Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Nilai 71800, Negeri Sembilan, Malaysia

<sup>2</sup>Fakulti Pengajian Qur'an dan Sunnah (FPQS), Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Nilai 71800, Negeri Sembilan, Malaysia

<sup>3</sup>Pusat Pengajian Teras (PPT), Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Nilai 71800, Negeri Sembilan, Malaysia

\* Corresponding Author: ahmadbazli@usim.edu.my

### Abstrak

Pengintegrasian ilmu naqli dan aqli adalah diwajibkan dalam setiap subjek di Kolej GENIUS Insan dan pengintegrasian dalam pendidikan al-Quran di KGI adalah tidak terkecuali. Namun, pengintegrasian al-Quran dengan ilmu aqli memerlukan kefahaman yang mendalam tentang makna ayat tersebut kerana kedudukan al-Quran sebagai Kalamullah. Justeru, kajian ini menentengahkan kaedah-kaedah yang digariskan oleh para ulama untuk memahami makna al-Quran. Metodologi kajian perpustakaan digunakan dalam kajian ini dengan menganalisis tulisan para ulama berkenaan kaedah kefahaman makna al-Quran. Hasil kajian mendapati ulama menggariskan 18 kaedah untuk memahami makna al-Quran iaitu mengetahui *asbab al-nuzul*, mengetahui kaedah bahasa Arab, mengetahui topik dan objektif asas bagi al-Quran dan surah-surah, pandangan menyeluruh terhadap ayat-ayat bagi sesuatu topik (tafsir al-Quran dengan al-Quran), memahami daripada perspektif hadith, memanfaatkan tafsir sahabat & tabi'in, mengetahui persekitaran penurunan (*makkiyyah* dan *madaniyyah*), mengetahui *al-nasikh* dan *al-mansukh*, mengetahui *muhkam* dan *mutashabih*, mengetahui maksud sesuatu lafaz dalam pelbagai konteks, memahami konteks ayat, mengetahui *dilalah* ayat, mengetahui wacana al-Quran, mengetahui adat dan kisah masyarakat Arab, mengetahui *al-waqf* dan *al-ibtida'*, berhati-hati dengan Israiliyyat, mengetahui ilmu psikologi manusia, dan menjiwai ayat dan makna.

**Kata kunci:** ‘ulum al-Quran, tadabbur, dan tafsir

Manuscript Received Date: 05/12/2021

Manuscript Acceptance Date: 10/12/2021

Manuscript Published Date: 30/12/2021

©The Author(s) (2021). Published by USIM Press on behalf of the Universiti Sains Islam Malaysia. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution Non-Commercial License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact [usimpress@usim.edu.my](mailto:usimpress@usim.edu.my)

doi: 10.33102/uij.vol33no3.448

## Abstract

Efforts to integrate the Quranic memorised verse with the aqli knowledge have been given attention by several tahfiz educational institutions in Malaysia, among them through an integrated curriculum approach and integration between subjects. However, the integrating of the Quran with aqli knowledge requires a deep understanding of the meaning of the verse because of the position of the Quran as Kalamullah. Hence, this study highlights the methods outlined by the scholars to understand the meaning of the Quran. Library research methodology is used in this study by analyzing the writings of scholars on the method of understanding the verses of memorization of the Quran. The results of the study found that scholars outlined 18 methods to understand memorized verses of the Quran: knowing asbab al-nuzul, knowing the methodology of Arabic language, knowing topic and basic objective of al-Quran, a comprehensive view of verses for a topic (interpretation of al-Quran with al-Quran), understanding from hadith perspective, utilising the commentary of companions and followers, knowing environment of revelation (*makkiyyah* and *madaniyyah*), knowing *al-nasikh* and *al-mansukh*, knowing *muhkam* and *mutashabih*, knowing the meaning of a single word in various contexts, knowing the context of verse, knowing *dilalah* of verse (meaning), knowing the discourse of the Quran, knowing customs and stories of Arab, knowing *al-waqf* and *al-ibtida'*, beware of Israiliyyat, knowing science of human psychology, and feeling the verse and meaning.

**Keywords:** sciences of al-Quran, tadabbur, and Quranic exegesis

## PENDAHULUAN

Usaha pengintegrasian ilmu Naqli dan Aqli dapat dilihat dengan jelas melalui penubuhan satu program khas di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) iaitu Kolej GENIUS Insan (KGI), dahulunya dikenali sebagai Kolej PERMATA Insan (Ahmad et al., 2017) yang mula mendaftarkan pelajar pada tahun 2015 (Z. Zakaria et al., 2017). KGI merupakan sebuah institusi pendidikan yang mensasarkan pelajar peringkat menengah yang berbakat dan berbakat (Hussin et al., 2019) yang telah dipilih melalui ujian kecerdasan standard (Tg Abdul Rahman et al., 2021) untuk menjalani kurikulum berbakat dan berbakat khas (Islaieh et al., 2020) dengan konsep mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli (INAQ)(M. Ahmad et al., 2017). Pengintegrasian ilmu naqli dan aqli adalah diwajibkan dalam setiap subjek di KGI (Spawi, 2021) dan turut melibatkan pendidikan al-Quran.

Pendidikan Al-Quran di KGI merangkumi 5 aspek utama iaitu mengingat (Tahfiz), menulis (Tahriri), memahami (Tadabbur), menghurai (Tafsir Ilmi) dan memperelokkan (Tajwid) (Ali et al., 2021). INAQ dalam konteks pendidikan al-Quran di KGI memberi penekanan terhadap kebolehan murid-murid pintar dan berbakat untuk berinteraksi dengan ayat al-Quran dan menghubungkan kaitkannya dengan ilmu- ilmu bersandarkan akal manusia seperti matematik, sains, sosial, psikologi serta alam sekeliling. Perlaksanaan INAQ walau bagaimanapun tidak memadai dengan hafazan al-Quran sahaja, aspek kefahaman perlu diberikan penekanan melalui satu kaedah yang berkesan (Ali et al., 2021) sebelum pengintegrasian ayat hafazan dengan ilmu aqli dilakukan. Justeru, kajian ini cuba mengetengahkan kaedah-kaedah yang digariskan oleh para ulama untuk memahami al-Quran sebagai panduan kepada guru dan pelajar dalam pengintegrasian ayat hafazan dengan ilmu aqli.

## Makna ayat al-Quran

Mukjizat Rasulullah SAW yang paling agung ialah al-Qur'an al-Karim yang diturunkan dalam bahasa Arab. Menurut perbincangan para ahli bahasa Arab dan Usul Fiqh, bahasa Arab jika dilihat dari sudut lafaz-lafaz yang menunjukkan makna ada dua kategori (Razak, 2004); pertama ialah makna yang mudah difahami dari sudut bahasanya sendiri atau zahirnya, dinamakan sebagai *makna asal* atau *pertama*, atau *dilalah asliyyah* (petunjuk asal) (Al-Shatibi, 1997). Sebagai contoh firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا تَدَايَيْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ

Terjemahan makna:

“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu.” [Surah al-Baqarah (2): Ayat 282]

Lafaz التداين, كتابة, الدين, كاتب dan الأجل dalam potongan ayat tersebut mudah difahami dari segi bahasa tanpa memerlukan kajian yang mendalam dan memadai merujuk makna kepada penggunaannya dalam bahasa Arab (Hilmi et al., 2015). Kedua ialah makna yang memerlukan usaha tertentu untuk memahaminya atau tujuan apa ia diungkapkan. Makna ini tersirat di sebalik makna zahir perkataan atau makna tambahan yang mengiringi makna pertama. Malah makna ini adalah banyak dan pelbagai, sesuai dengan kedudukan di mana perkataan itu diletakkan, daripada siapa perkataan itu datang, atau untuk apa ia diungkapkan (Razak, 2004). Makna ini dinamakan sebagai *makna kedua* atau *petunjuk kedua* oleh sebahagian ulama. Sementara al-Shatibi (1997) menamakannya dengan *dilalah tabi'ah* (petunjuk pengiring). Sebagai contoh dalam firman Allah SWT:

وَجَعَلُوا لِلَّهِ شُرَكَاءَ الْجِنَّ وَخَلَقَهُمْ

Terjemahan makna:

“Dan mereka menjadikan jin sekutu bagi Allah, padahal Allah jualah yang mencipta jin-jin itu.” [Surah al-An'am (6): Ayat 100]

Makna lain yang tergolong dalam makna kedua atau petunjuk kedua daripada ayat ini ialah: “Allah tidak layak mempunyai sekutu, sama ada daripada kalangan jin atau makhluk lain”. Kemunculan makna lain ini adalah disebabkan susunan atau bentuk ayat yang mendahulukan lafaz Allah, kemudian lafaz شركاء, selepas itu baru lafaz الجن. Jika susunannya bukan sedemikian, maka makna lain tersebut sudah berubah. Dapat diperhatikan makna jenis ini adalah bukan makna perkataan dari sudut bahasa, akan tetapi merupakan sesuatu yang lain daripada makna zahir sesuai dengan kedudukan kalimah itu (Hilmi et al., 2015).

### **Kaedah Memahami Makna Al-Quran**

Para ulama terdahulu dan kontemporari banyak membincangkan kaedah dan piawaian untuk memahami al-Quran memandangkan al-Quran merupakan Kalamullah, tambahan pula kefahaman merupakan wasilah kepada *tadabbur* al-Quran (Al-Zakiyy, 2013). Berikut merupakan perincian kepada kaedah tersebut:

#### **Mengetahui *Asbab al-Nuzul***

Al-Quran mempunyai dua bahagian iaitu satu bahagian diturunkan tanpa terikat dengan sebarang sebab tertentu, antaranya ayat yang berbicara tentang peristiwa atau keadaan masa lampau dan masa yang akan datang seperti kisah nabi-nabi, umat terdahulu, dan peristiwa tentang kiamat dan yang berkaitan dengannya. Manakala sebahagian lagi diturunkan dengan sebab-sebab tertentu (Al-Zarqani, 2001) atau dalam perbincangan 'ulum al-Quran dikenali dengan istilah *sabab al-nuzul*. *Asbab al-nuzul* ialah perkara yang menyebabkan berlaku penurunan al-Quran (Al-Qattan, 1997) melibatkan satu ayat atau beberapa ayat al-Quran yang menceritakan perkara tersebut atau menerangkan hukum pada waktu berlakunya perkara tersebut (Al-Wahidi, 1991; Al-Zarqani, 2001) sama ada dalam bentuk peristiwa atau pertanyaan yang diajukan kepada Rasulullah SAW (Al-Qattan, 1997).

Terdapat tiga jenis *asbab al-nuzul* dalam bentuk peristiwa iaitu:

- i. Perbalahan yang sedang berlaku, sebagai contoh perselisihan antara kelompok 'Aus dan Khazraj hasil provokasi kaum Yahudi sehingga mereka melaungkan: “*as-silah, as-silah*” (senjata, senjata). Peristiwa ini menyebabkan beberapa ayat dari surah Ali 'Imran yang dimulai dari ayat 100 telah diturunkan (Al-Zarqani, 2001).

- ii. Kesalahan keji yang dilakukan. Contohnya individu mabuk mengimami solat sehingga tersalah dalam membaca ayat surah al-Kafirun dengan meninggalkan perkataan لَا pada kalimah لَا أَعْبُدُ. Rentetan itu turun ayat 43 surah al-Nisa' (Al-Zarqani, 2001).
- iii. Hasrat dan keinginan. Sebagai contoh *muwafaqat* (kesepakatan) Umar RA (Al-Zarqani, 2001). Al-Bukhari (1979) meriwayatkan:

“Umar RA telah berkata: “Aku bersepakat dengan Tuhanku pada tiga perkara. Aku katakan kepada Rasulullah macam mana jika Maqam Ibrahim kita jadikan tempat solat, maka turun ayat وَأَتَّخِذُوا مِن مَّقَامِ إِبْرَاهِيمَ مُصَلًّى, dan aku berkata ya Rasulullah: “Sesungguhnya antara orang-orang yang menemui isteri-isterimu ada yang baik dan ada juga yang jahat, bagaimana kalau engkau memerintahkan mereka untuk membuat tabir, maka turunlah ayat tabir (ayat 53 surah al-Ahzab), serta isteri-isteri Rasulullah SAW bertemu baginda dalam keadaan cemburu lalu aku (Umar) berkata kepada mereka: عَسَىٰ رَبُّهُ إِنْ طَلَّقَكُنَّ أَنْ يُبَدِّلَهُ أَزْوَاجًا خَيْرًا مِّنْكَنَّ, lalu turunlah sebagaimana yang aku katakan. (Al-Bukhari, al-Solat, Mā Jā'a fī al-Qiblat, hadith 4483)

*Asbab al-nuzul* dalam bentuk pertanyaan yang ditujukan kepada Nabi SAW juga ada tiga jenis, iaitu:

- i. Pertanyaan berkaitan sesuatu perkara yang telah berlaku, contohnya kisah Zulkarnain dalam ayat 83 surah al-Kahfi (Al-Zarqani, 2001).
- ii. Pertanyaan berkaitan sesuatu yang sedang berlaku, misalnya perihal roh firman Allah SWT dalam surah al-Isra` ayat 85 (Al-Zarqani, 2001).
- iii. Pertanyaan berkaitan sesuatu yang akan datang, contohnya perihal kedatangan kiamat dalam ayat 42 surah al-Nazi'at (Al-Zarqani, 2001).

Pengetahuan mengenai *asbab al-nuzul* akan memberikan kefahaman yang betul dan pengetahuan yang sebenar terhadap makna al-Quran (Al-Gharib, 2018; Al-Tuwayjiri, 2014; Al-Zakiyy, 2013). Ini juga dapat mengelakkan individu daripada menjelaskan ayat bukan dalam konteksnya dan tidak meletakkan sesuatu kalimah luar daripada perbincangannya (Al-Gharib, 2018). Selain itu, perkara tersebut turut membantu dalam proses hafazan (Abu Al-Wafa, 1999) dan mengukuhkan wahyu dalam minda kerana perkaitan *sabab* (sebab) dengan *musabab* (penyebab), hukum hakam dengan peristiwa, dan peristiwa dengan individu-individu, tempat, dan masa (Al-Gharib, 2018).

### Mengetahui Kaedah Bahasa Arab

Al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab agar difahami oleh bangsa Arab sebagaimana firman Allah SWT: “Sesungguhnya Kami menurunkan kitab itu sebagai Quran yang dibaca dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal untuk) memahaminya.” (Surah Yusuf, Ayat 2). Justeru, memahami bahasa Arab berserta kaedah dan mengetahui uslubnya (gaya bahasa) adalah salah satu pintu untuk memahami dan mengetahui objektif al-Quran (Al-Gharib, 2018; Al-Zakiyy, 2013). Al-Tabari (2001) berpendapat bahawa bahasa Arab dan kefahamannya merupakan satu syarat untuk memahami al-Quran dan tidak mungkin al-Quran dapat difahami tanpanya.

Kaedah bahasa Arab dalam konteks ini merujuk kepada keseluruhan ilmu bahasa Arab iaitu *matn al-lughah* (kata akar, sinonim, dan lafaz), *sarf* (bentuk dan pembentukan kata), *nahw* (sintaksis), *ma'ani* (perbincangan berkaitan bahasa Arab yang sesuai dengan tuntutan situasi dan keadaan), *bayan* (perbincangan cara-cara menyampaikan suatu gagasan dengan redaksi yang pelbagai), dan begitu juga penggunaan orang Arab dalam uslub, percakapan, puisi, dan

struktur bahasa mereka. Termasuk juga dalam perkara tersebut ialah apa yang digunakan dalam perumpamaan dan pernyataan tafsiran berdasarkan pemahaman orang-orang yang menuturkan bahasa itu sendiri tentang makna ayat-ayat yang tidak jelas *dilalah* (pemaknaan) (Al-Gharib, 2018).

Pemahaman makna yang tepat dari sudut bahasa akan menambahkan *tadabbur* dan khusyuk kepada pembaca (Al-Tuwayjiri, 2014), contohnya firman Allah SWT:

وَأذْكُرْ فِي الْكِتَابِ مَرْيَمَ إِذِ انْتَبَدَتْ مِنْ أَهْلِهَا مَكَانًا شَرْقِيًّا

Terjemahan makna:

“Dan bacakanlah (wahai Muhammad) di dalam Kitab al-Quran ini perihal Maryam, ketika dia memencilkan diri dari keluarganya di sebuah tempat sebelah timur.” (Surah Maryam: 16)

Pembaca berkemungkinan musykil dengan maksud *انتَبَدَتْ*, apabila dirujuk kepada kitab bahasa, perkataan tersebut bermaksud pemencilan dan pengasingan yang ketara. Ini seolah-olah memberi maksud ahli keluarga Maryam merupakan sesuatu yang ditinggalkan yang tidak diingini bagi pihak dirinya, maka beliau mengasingkan diri dan memencilkan diri jauh daripada mereka (Al-Tuwayjiri, 2014).

### Mengetahui Topik dan Objektif Asas bagi al-Quran dan Surah-surah

Mengetahui tujuan dan objektif Quran akan memendekkan jalan bagi individu yang mencari pengetahuan al-Quran dan kefahamannya, ini kerana mengetahui tujuan sesuatu adalah satu cara untuk merealisasikan apa yang dikehendaki. Misalnya, sebelum seseorang individu meneliti sebuah buku berkaitan sesuatu permasalahan, dia akan melihat tajuk buku terlebih dahulu. Jika seseorang ingin mengkaji tentang kaedah tatabahasa Arab, dia akan merujuk sebuah kitab Nahu. Topik bagi al-Quran ialah manusia dan kehidupan manusia. Al-Quran telah menangani masalah manusia, menentukan dasar kejayaan dan kebahagiaan, dan mengenal pasti penyebab kesedihan dan kesengsaraan manusia itu sendiri (Al-Gharib, 2018).

Sebagaimana penting memahami topik al-Quran, begitu juga penting memahami objektif utama yang dimatlamatkan oleh al-Quran (Al-Zakiyy, 2013; Al-Gharib, 2018). Pengetahuan berkenaan objektif utama dapat membantu pembaca dan mufassir untuk memahami latar belakang objektif-objektif umum ini, yang mana diturunkan al-Quran adalah untuk menetapkan perkara tersebut (Al-Gharib, 2018). Objektif asas al-Quran yang wajib diambil tahu oleh Muslim iaitu:

- i. Pembetulan akidah dan mengajarkan akidah yang benar (Al-Zakiyy, 2013; Al-Gharib, 2018)
- ii. Penyucian jiwa (Al-Gharib, 2018) dan penyempurnaan akhlak (Al-Zakiyy, 2013).
- iii. Pembetulan akal dengan membebaskannya daripada khurafat dang sangkaan (Al-Zakiyy, 2013).
- iv. Pensyariatan, iaitu hukum umum dan khusus (Al-Gharib, 2018).
- v. Pembangunan umat Islam dan politik berdasarkan keadilan dan Majlis Syura (Al-Zakiyy, 2013; Al-Gharib, 2018)
- vi. Cerita-cerita dan perkhawaran generasi terdahulu sebagai tauladan (Al-Gharib, 2018).
- vii. Pendidikan dengan pendekatan yang sesuai dengan keadaan zaman penerima, dan apa yang melayakkan mereka untuk menerima dan menyebarkan syariat (Al-Gharib, 2018).
- viii. Teguran dan peringatan (Al-Gharib, 2018).
- ix. I’jaz al-Quran yang menjadi bukti yang menunjukkan kebenaran Rasul (Al-Gharib, 2018).

Objektif surah juga memainkan peranan penting dalam pemahaman al-Quran. Setiap surah mempunyai objektif tersendiri seperti surah Al-Ikhlash ialah *tawhid asma’ wa sifat* dan

*tawhid rububiyah*, surah al-Kafirun ialah *tawhid uluhiyyah*, surah al-Nahl ialah nikmat-nikmat, surah al-Qiyamah ialah penceritaan tentang kiamat, dan surah al-Ma'un ialah suruhan untuk berakhlak mulia (Al-Tuwayjiri, 2014).

### **Pandangan Menyeluruh Terhadap Ayat-ayat Bagi Sesuatu Topik (tafsir al-Quran bi al-Quran/tafsir mawdu'i)**

Al-Quran saling mentafsirkan antara satu sama lain. Sesuatu yang disebutkan secara umum pada satu-satu tempat akan terdapat tafsirannya di tempat lain. Oleh itu, ayat-ayat tersebut mesti disatukan satu sama lain sehingga makna yang dimaksudkan dalam nas menjadi jelas (Al-Gharib, 2018). Secara mutlaknya *tafsir al-Quran bi al-Quran* merupakan sumber teratas dalam senarai tafsir al-Quran al-Karim. Ini kerana huraian pemilik al-Kalam terhadap Kalam-Nya sendiri sudah tentu lebih mendalam dan lebih menepati kebenaran jika dibandingkan dengan ulasan-ulasan pihak lain terhadapnya (Yusoff, 1997). Allah SWT menyebut bahawa Dia telah menurunkan al-Quran dalam bahasa Arab, malah Dia menyifatkan bahasa Arab sebagai bahasa yang terang melalui firman-Nya:

وَهَذَا لِسَانٌ عَرَبِيٌّ مُبِينٌ ﴿١٠٣﴾

Terjemahan makna:

“Dan ini (al-Quran) pertuturan bahasa Arab yang terang” (al-Nahl:103).

Setelah itu Allah SWT sendiri telah berjanji untuk memberi penjelasan terhadap al-Quran (Yusoff, 1997). Firman-Nya:

لَا تُحَرِّكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ ﴿١٦﴾ إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْآنَهُ ﴿١٧﴾ فَإِذَا قَرَأْنَاهُ فَاتَّبِعْ قُرْآنَهُ ﴿١٨﴾ ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا بَيَانَهُ ﴿١٩﴾

Terjemahan makna:

“Janganlah kamu gerakkan lidahmu untuk (membaca al-Quran) kerana hendak cepat-cepat (menguasainya). Sesungguhnya atas tanggungan Kamilah yang mengumpulkannya (di dadamu) dan (membuatmu pandai) membacanya. Apabila Kami telah selesai membacakannya maka ikutilah bacaannya itu. Kemudian, sesungguhnya atas tanggungan Kamilah penjelasannya” (Surah al-Qiyamah: 16-19)

Nabi Muhammad SAW telah membimbing para sahabat dalam mentafsirkan al-Quran dengan al-Quran ini tatkala mereka membaca ayat:

الَّذِينَ آمَنُوا وَلَمْ يَلْبِسُوا إِيمَانَهُمْ بِظُلْمٍ أُولَئِكَ لَهُمُ الْأَمْنُ وَهُمْ مُهْتَدُونَ

Terjemahan makna:

“Orang-orang yang beriman dan tidak mencampur adukkan iman mereka dengan kezaliman (syirik), mereka itulah orang-orang yang mendapat keamanan dan merekalah orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.” (Surah al-An'am: 82)

Para sahabat menyangka bahawa kezaliman dalam ayat itu merangkumi setiap dosa, walaupun dosa kecil, dan itulah sebab mereka berkata: “Wahai Rasulullah, dan siapakah yang tidak menzalimi dirinya sendiri?” Rasulullah SAW berkata kepada mereka: “Bukan seperti yang kamu katakan, melainkan kemusyrikan. Tidakkah kamu mendengar apa yang Luqman katakan kepada anaknya ketika dia sedang memberi nasihat kepadanya?” (Al-Bukhari, 1979).

Ini adalah panduan dalam mengikuti pendekatan ini, iaitu “tafsiran al-Quran dengan al-Quran”. Namun, pendekatan ini memerlukan banyak ketekunan dan ketepatan pengamatan untuk memahami hubungan antara ayat-ayat dan menggabungkannya. Pendekatan ini adalah hampir sama dengan pendekatan yang dikenali dengan *tafsir mawdu'i* (tafsir tematik) dalam kalangan generasi terkemudian (Al-Gharib, 2018).

## Memahami daripada Perspektif Hadith

Ulama sepakat dalam pembahagian al-Hadith berdasarkan peranan dan fungsinya kepada tiga bahagian:

i. Al-hadith sebagai penyokong dan penguat kepada al-Quran (Abd. Rahman, 1996).

Peranan ini berlaku jika kandungan al-hadith adalah sama dengan al-Quran, seperti Hadith yang bermaksud: “Islam dibina atas lima asas; mengucapkan dua kalimah syahadah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, puasa bulan Ramadan dan menunaikan haji bagi siapa yang mampu”. Hadith ini bertepatan dengan firman-firman Allah yang mengandungi perintah supaya mengerjakan solat, puasa, haji dan zakat.

ii. Al-hadith sebagai penghurai dan penjelas kepada kandungan al-Quran; sama ada dengan memperincikan yang umum, menjelaskan yang samar, mengkhususkan yang am dan menegakkan yang tiada hadnya (Rahman 1996). Ini bertepatan dengan peranan Rasulullah SAW iaitu memberi penjelasan kepada al-Quran sebagaimana firman Allah SWT:

﴿٤٤﴾ بِالْبَيِّنَاتِ وَالزُّبُرِ وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ

Terjemahan makna:

“Dan telah Kami turunkan kepadamu al-Zikr agar kamu jelaskan kepada manusia tentang apa yang diturunkan ke atas mereka.” (Surah Al-Nahl:44)

Ayat di atas memberi isyarat kepada Rasulullah SAW untuk memperjelaskan perkara-perkara yang tak mungkin manusia dapat memahaminya kecuali menerusi tafsir dan penerangan dari baginda (Yusoff, 1997).

Contoh memperincikan yang umum ialah Rasulullah SAW menjelaskan bagaimana cara-cara solat, zakat, puasa dan lain-lain yang hukumnya datang secara umum tanpa huraian dengan lebih jelas. Contoh mengkhususkan yang am pula seperti penjelasan Rasulullah SAW maksud kalimah zalim dalam firman Allah SWT:

الَّذِينَ آمَنُوا وَلَمْ يَلْبِسُوا إِيمَانَهُمْ بِظُلْمٍ

Terjemahan makna:

"Mereka yang beriman dan tidak mencampuradukkan iman mereka dengan kezaliman". (Surah al-An'am: 82)

Sebahagian sahabat memahami kalimah tersebut secara umum iaitu meliputi apa saja kezaliman, sehinggalah Rasulullah SAW yang menjelaskan maksud zalim di sini khusus kepada syirik kepada Allah. Sementara contoh menjelaskan kesamaran seperti penjelasan Rasulullah maksud kalimah (الْحَيْطُ الْأَبْيَضُ) dan (الْحَيْطُ الْأَسْوَدُ) dalam firman Allah:

وَكُلُوا وَاشْرَبُوا حَتَّى يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَبْيَضُ مِنَ الْخَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ ۚ

“Makan dan minumlah kamu sehingga tampak jelas kepada kamu benang putih dari benang hitam di waktu fajar.” (Surah al-Baqarah: 187)

Rasulullah SAW memberikan penjelasan maksud benang putih dan hitam dalam konteks tersebut ialah waktu siang dan malam. Contoh menegakkan atau membataskan kepada yang tiada hadnya pula seperti hadith yang menjelaskan maksud tangan dalam firman Allah SWT:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا

Maksudnya: “Pencuri lelaki dan perempuan dipotong tangannya.” (Surah al-Ma'idah: 38)

Rasulullah menerangkan maksud tangan di sini ialah tangan kanan dan bahagian yang dipotong mestilah daripada pergelangan tangan, bukan daripada siku.

iii. Al-hadith yang menunjukkan sesuatu hukum yang tidak dinaskan oleh al-Quran (Abd. Rahman, 1996), contohnya Hadith Rasulullah SAW mengenai laut:

هُوَ الطَّهْرُ مَاؤُهُ، الْحِلُّ مَيْتَتُهُ

Maksudnya: “Suci airnya dan halal bangkainya”. (Al-Tirmidhi, al-Tahārah ‘an Rasulullah, Ma Ja‘a fi Ma’ al-Bahr Annahu Tahurun, hadith 69)

Contoh lain ialah hadith yang mengharamkan dari memakan daging binatang-binatang liar yang bertaring. Berdasarkan peranan hadith jenis ketiga ini dapat dibuat kesimpulan bahawa hadith juga merupakan sumber hukum yang mempunyai kuasa autoritinya yang tersendiri dan boleh menjadi hujah yang mewajibkan kita beramal dengannya. Namun demikian, perhatian harus diberikan dalam berpegang dengan hadis-hadis lemah yang terdapat dalam beberapa kitab tafsir (Al-Zakiyy, 2013).

### Memanfaatkan Tafsir Sahabat & Tabi’in

Tafsiran para sahabat mempunyai kedudukan tersendiri kerana mereka lebih mengetahui tentang peristiwa dan keadaan semasa penurunan al-Quran (Al-Zakiyy, 2013). Namun yang diambil hanyalah perkara yang *sahih* daripada mereka (Al-‘Ak, 1986). Penurunan al-Quran dalam bahasa Arab membolehkan para sahabat memahami sebahagian besar makna al-Quran dan sebarang persoalan yang timbul terus diajukan kepada Rasulullah SAW (Al-Khalidi, 2008). Pemahaman para sahabat terhadap al-Quran merupakan pemahaman terbaik selepas pentafsiran dan penjelasan Rasulullah SAW. Rasulullah SAW sendiri memberi pengiktirafan kepada generasi para sahabat sebagai *khayr al-nās* (manusia terbaik) atau *khayr al-qurūn* (zaman terbaik) melalui hadith baginda (Dzulhadi, 2017):

خير الناس قرني، ثم الذين يلونهم ثم الذين يلونهم

Maksudnya: “Sebaik-baik manusia adalah generasiku (para Sahabat) kemudian generasi berikutnya (tābi‘īn) kemudian generasi berikutnya (tābi‘ al-tābi‘īn)” (Al-Bukhari, al-Shahādāt, La Yashhadu ‘ala Shahādāt Jawrin ‘idhā ‘Ushhida, hadith 2652)

Berikut adalah antara ciri pentafsiran al-Quran oleh para sahabat RA (Zainol & Majid, 2012):

- i. Tafsir pada zaman sahabat hanya mengulas ayat-ayat secara umum tidak secara terperinci.
- ii. Para sahabat tidak mengeluarkan sebarang hukum daripada maksud ayat.
- iii. Pentafsiran sahabat adalah bergantung kepada *asbab al-nuzul* (Sebab turun sesuatu ayat).

Generasi tabi’in pula merupakan generasi terbaik selepas generasi para sahabat seperti yang dinyatakan dalam hadith sebelum ini. Justeru, tafsiran para tabi’in boleh dimanfaatkan untuk memahami al-Quran. Namun, beberapa perhatian harus diberikan dalam berurusan dengan yang disampaikan dari para sahabat dan tabi’in dalam pentafsiran seperti berikut (Al-Zakiyy, 2013):

1. Makna al-Quran tidak terhenti pada batasan penjelasan dan pentafsiran mereka kerana ayat-ayat al-Quran membawa banyak makna. Tatkala manusia *mentadabbur* al-Quran, mereka menemukan makna dan konotasi baharu dan ini merupakan salah satu aspek keajaiban al-Quran.
2. Di sebalik kepentingan pendapat dan ijtihad para sahabat, perkara tersebut tetap merupakan ijtihad manusia yang dapat dikaji dan diteliti.

### Mengetahui Persekitaran Penurunan (Makkiyyah dan Madaniyyah)

Sejarah penurunan al-Quran dalam tempoh 23 tahun dilatari dengan pelbagai persekitaran. Secara umumnya ulama mengkategorikan ayat al-Quran berdasarkan sejarah penurunan



kepada ayat *Makkiyyah* dan ayat *Madaniyyah* (Al-Gharib, 2018). Terdapat perbezaan definisi *Makkiyyah* dan *Madaniyyah* lantaran perbezaan sudut pandang melibatkan 3 aspek iaitu; tempat penurunan, waktu penurunan (sebelum atau sesudah hijrah) dan kepada siapa diturunkan. Imam al-Zarkashi dan al-Suyuti memilih aspek waktu penurunan sebagai landasan kerana lebih fleksibel dan mencakupi semua wahyu. Perkara tersebut kemudiannya menjadi masyhur digunakan oleh para ulama tafsir dan *'ulum al-Quran* (Husni, 2019).

Penentuan *Makkiyyah* dan *Madaniyyah* dilakukan melalui dua kaedah asas iaitu *sima' i naqli* dan *qiyasi ijthadi*. Kaedah *sima' i naqli* ialah bersandarkan kepada riwayat sahih daripada para sahabat yang menyaksikan turunnya wahyu, atau daripada para tabi'in yang menerima dan mendengar daripada para sahabat bagaimana, di mana, dan apa peristiwa yang berkaitan dengan penurunan wahyu tersebut. Sebahagian besar penentuan *Makkiyyah* dan *Madaniyyah* adalah menggunakan kaedah ini (Al-Qattan, 1997). Kaedah *qiyasi ijthadi* pula ialah berdasarkan ciri-ciri *Makkiyyah* dan *Madaniyyah*. Apabila surah *Makkiyyah* terdapat suatu ayat yang mempunyai ciri-ciri Madani atau mengandungi peristiwa Madani maka dikatakan bahwa ayat tersebut *Madaniyyah*, dan begitulah jika sebaliknya. Sebagai contoh, surah yang mengandungi kisah para nabi dan umat-umat terdahulu, maka surah itu adalah *Makkiyyah* dan surah yang mengandungi kewajipan atau ketentuan hukum, maka surah itu adalah *Madaniyyah* (Al-Qattan, 1997).

Penelitian para ulama terhadap surah-surah *Makkiyyah* dan *Madaniyyah* menatijahkan piawaian bagi surah *Makkiyyah* ialah setiap surah yang terdapat lafaz 'كَلَّا', mempunyai ayat *sajadah*, dimulai dengan huruf-huruf hijaiyyah (abjad) (kecuali al-Baqarah dan Ali 'Imran, sementara khilaf pada al-Ra'd), mengandungi kisah para rasul, umat terdahulu, dan Adam dan Iblis (kecuali al-Baqarah), mengandungi seruan يا أيها الناس tetapi tiada seruan يا أيها الذين آمنوا, dan yang *mufassal* (jumlah ayatnya sangat sedikit) (Al-Zarqani, 2001). Piawaian bagi *Madaniyyah* ialah setiap surah yang terdapat hukum hudud dan kewajipan, keizinan jihad dan penerangan hukum jihad, dan setiap surah yang terdapat penceritaan orang-orang munafik (kecuali al-'Ankabut dikira *Makkiyyah* melainkan 11 ayat pertama yang disebutkan orang-orang munafiq dikira *Madaniyyah* (al-Zarqani, 2001).

Manakala dari segi ciri-ciri objektif surah *Makkiyyah* ialah; 1. Seruan kepada tauhid dan peribadatan hanya kepada Allah SWT, pembuktian kerasulan, pembuktian kebangkitan dan hukuman, penyebutan Kiamat dan ketakutannya, neraka dan azabnya, syurga dan kebahagiaannya, dan perdebatan dengan Musyrikin menggunakan bukti akal dan tanda-tanda penciptaan; 2. Peletakan asas-asas umum pensyariatan dan kebaikan moral yang mendasari struktur masyarakat, mendedahkan jenayah Musyrikin dalam pertumpahan darah, pemakanan harta anak-anak yatim secara zalim, pembunuhan anak perempuan dan tabiat buruk yang mereka lakukan; dan 3. Penyebutan kisah-kisah para nabi dan umat terdahulu agar dijadikan pengajaran tentang nasib orang-orang yang berbohong sebelumnya dan menenangkan Rasulullah SAW supaya dia dapat bersabar dengan seksaan mereka dan yakin dengan kemenangan (Al-Qattan, 1997).

Surah *Madaniyyah* pula objektifnya ialah; 1. Penerangan ibadah, urusan niaga, hudud, sistem keluarga, harta pusaka, kelebihan jihad, hubungan sosial, hubungan antarabangsa dalam keamanan dan peperangan, tatacara pemerintahan dan isu perundangan; 2. Mendepani Ahli Kitab daripada Yahudi dan Nasrani dan mengajak mereka kepada Islam, serta menyatakan putar belit mereka terhadap kitab-kitab Allah, kejahatan mereka terhadap kebenaran, dan perselisihan mereka setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah tentang kebenarannya; dan 3. Mendedahkan tingkah laku orang munafik, memperincikan peribadi mereka, membongkar rahsia mereka, dan menerangkan bahaya mereka kepada agama (Al-Qattan, 1997).

Dari segi ciri gaya bahasa surah *Makkiyyah* memiliki kalimah atau ayat yang pendek bersama lafaz yang mantap, frasa yang ringkas dengan sesuatu yang memeritkan telinga dan kuat ketukannya terhadap pendengar, mengejutkan hati, dan penekanan makna dengan banyak lafaz sumpah. Surah *Madaniyyah* pula mempunyai potongan-potongan ayat dan

ayat-ayat yang panjang dalam satu gaya bahasa yang menetapkan Syariat dan menerangkan matlamat dan objektifnya (Al-Qattan, 1997).

### Mengetahui al-Nasikh dan al-Mansukh

*Al-naskh* merupakan pembatalan sesuatu hukum syara' dengan satu dalil syarak yang datang kemudian (Isma'il, 1999). Al-Nasikh merujuk kepada dalil syara' dan al-Mansukh kepada hukum syara' yang dibatalkan. *Nasakh* dalam al-Quran terbahagi kepada tiga jenis iaitu *nasakh* bacaan dan hukum bersama, *nasakh* hukum tanpa bacaan, dan *nasakh* bacaan tanpa hukum (Ayyub, 2004). Perincian setiap jenis adalah sebagaimana berikut:

#### i. *Nasakh* bacaan dan hukum bersama

Contoh: Kadar bilangan susuan untuk menjadikan seseorang sebagai mahram. Diriwayatkan daripada Aisyah RA beliau berkata:

كَانَ فِيمَا أُنزِلَ مِنَ الْقُرْآنِ عَشْرُ رَضَعَاتٍ مَعْلُومَاتٍ يُحْرِمْنَ ثُمَّ نُسِخْنَ بِخَمْسٍ مَعْلُومَاتٍ

Maksudnya: Terdapat ayat yang diturunkan daripada al-Quran sepuluh kali susuan yang menjadikan mahram. Kemudian ayat tersebut dinasakhkan kepada lima kali susuan yang diketahui. (Muslim, al-Radā', al-Tahrim bi Kham Radā'āt, hadith 1452)

Ayat yang menyatakan 10 kadar bilangan ini dimansuhkan dari segi bacaan dan hukumnya.

#### ii. *Nasakh* hukum tanpa bacaan

Contoh: Kewajipan memberi wasiat kepada ibu bapa dan juga kaum kerabat. Firman Allah S.W.T:

كُتِبَ عَلَيْكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ إِنْ تَرَكَ خَيْرًا الْوَصِيَّةَ لِلْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ بِالْمَعْرُوفِ

Maksudnya: Diwajibkan ke atas kalian, apabila salah seorang di antara kalian kedatangan (tanda-tanda) maut, jika dia meninggalkan harta yang banyak, berwasiat untuk ibu-bapa dan kaum kerabatnya secara makruf, (ini adalah) kewajipan ke atas orang-orang yang bertakwa. (Surah al-Baqarah: ayat 180)

Akan tetapi, hukum ini telah dimansuhkan apabila disyariatkan hukum perwarisan harta pusaka (Al-Baghawi, 2002) namun bacaannya masih kekal.

#### iii. *Nasakh* bacaan tanpa hukum

Contoh: Hukuman rejam kepada pezina yang telah berkahwin. Diriwayatkan daripada Umar al-Khattab dan Ubay Ibn Ka'ab bahawa kedua-duanya berkata:

كَانَ فِيمَا أُنزِلَ مِنَ الْقُرْآنِ الشَّيْخُ وَالشَّيْخَةُ إِذَا زَنِيَا فَارْجَمُوهَا الْبَتَّةَ

Maksudnya: Terdapat ayat yang diturunkan daripada al-Quran pezina lelaki dan perempuan yang telah berkahwin maka rejamlah mereka. (Ibn Majah, al-Hudud, al-Rajm, hadith 2552)

Ayat ini telah dimansuhkan dari segi bacaan dan tetapi masih kekal hukumnya (Al-Zarqani, 2001).

### Mengetahui *Muhkam* dan *Mutashabih*

Pengetahuan berkenaan *muhkam* dan *mutashabih* adalah penting untuk mengetahui makna al-Quran. Al-Qattan (1997) membahagikan perbincangan ini kepada dua iaitu umum dan khusus. *Muhkam* umum bermaksud al-Quran keseluruhannya adalah satu ucapan yang terperinci dan fasih yang membezakan antara kebenaran dan kebatilan, kebenaran dan

pembohongan. Manakala *mutashabihat* umum bermaksud al-Quran keseluruhannya ialah menyerupai sebahagiannya dengan sebahagian yang lain dalam kesempurnaan dan kecantikan, dan saling membenarkan sebahagiannya dengan sebahagian yang lain pada makna (Al-Qattan, 1997).

*Muhkam* dan *Mutashabih* khusus disebutkan oleh Allah SWT dalam firmanNya:

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ مِنْهُ آيَاتٌ مُحْكَمَاتٌ هُنَّ أُمُّ الْكِتَابِ وَأُخْرَى مُتَشَابِهَاتٌ فَأَمَّا الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ زَيْغٌ فَيَتَّبِعُونَ مَا تَشَابَهَ مِنْهُ ابْتِغَاءَ الْفِتْنَةِ وَابْتِغَاءَ تَأْوِيلِهِ وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُ إِلَّا اللَّهُ وَالرَّاسِخُونَ فِي الْعِلْمِ يَقُولُونَ آمَنَّا بِهِ كُلٌّ مِنْ عِنْدِ رَبِّنَا

Terjemahan makna:

"Dia lah yang menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab Suci al-Quran. Sebahagian besar dari al-Quran itu ialah ayat-ayat "Muhkamaat" (yang tetap, tegas dan nyata maknanya serta jelas maksudnya); ayat-ayat Muhkamaat itu ialah ibu (atau pokok) isi al-Quran. Dan yang lain lagi ialah ayat-ayat "Mutashabihaat" (yang samar-samar, tidak terang maksudnya). Oleh sebab itu (timbullah faham yang berlainan menurut kandungan hati masing-masing) - adapun orang-orang yang ada dalam hatinya kecenderungan ke arah kesesatan, maka mereka selalu menurut apa yang samar-samar dari al-Quran untuk mencari fitnah dan mencari-cari Takwilnya (memutarakan maksudnya menurut yang disukainya). Padahal tidak ada yang mengetahui Takwilnya (tafsir maksudnya yang sebenar) melainkan Allah. Dan orang-orang yang tetap teguh serta mendalam pengetahuannya dalam ilmu-ilmu ugama, berkata:" Kami beriman kepadanya, semuanya itu datangnya dari sisi Tuhan kami" (Surah Ali 'Imran: 7)

Makna kedua-dua perkara tersebut menjadi khilaf seperti berikut (Al-Qattan, 1997):

- i. *Muhkam*: sesuatu yang diketahui maksudnya, *Muhkam*: sesuatu yang diketahui oleh Allah
- ii. *Muhkam*: perkara yang hanya mempunyai satu perspektif, *Mutashabih*: perkara yang mempunyai banyak perspektif
- iii. *Muhkam*: Perkara yang berdiri dengan sendiri tanpa perlu penjelasan, *mutashabih*: Perkara yang tidak berdiri dengan sendiri dan perlu kepada penjelasan dengan memalingkannya kepada sesuatu yang lain.

Perbezaan pandangan para ulama tentang ayat-ayat *mutashabih* pada dasarnya terletak pada persoalan adakah makna yang terkandung dalam ayat-ayat tersebut dapat diketahui oleh manusia, atau hanya Allah saja yang mengetahuinya (Nahar, 2016). Terdapat dua mazhab dalam pentafsiran terhadap ayat-ayat *mutashabihat*. Mazhab Salaf mempercayai dan meyakini sifat-sifat *mutashabih* dan menyerahkan hakikatnya kepada Allah sendiri dan mereka digelar sebagai *Mufawidah* atau *Tafwid*. Sementara Mazhab Khalaf mentakwilkan lafaz yang makna zahirnya mustahil dengan makna yang sesuai dan layak bagi zat Allah dan mereka disebut *Muawwilah* atau Mazhab Takwil. Misalnya, lafaz *istiwa* ditakwilkan dengan makna penguasaan Allah terhadap alam (Firdausi, 2015).

Pendekatan sederhana diambil oleh al-Raghib al-Asfahani dalam perkara ini, beliau mengkategorikan ayat-ayat *mutashabih* dari segi kemungkinan mengetahui maknanya kepada tiga jenis (Al-Salih, 2000):

- i. Tiada jalan untuk manusia mengetahuinya, seperti waktu berlaku hari kiamat, keluar binatang melata daripada bumi, dan seumpamanya.
- ii. Manusia mempunyai cara untuk mengetahuinya, seperti lafaz-lafaz asing dalam al-Quran.
- iii. Sesuatu yang berada di antara keduanya, iaitu yang hanya dapat diketahui oleh orang-orang yang mendalam ilmunya.

### Mengetahui Maksud Sesuatu Lafaz dalam Pelbagai Konteks

Lafaz-lafaz tunggal dalam al-Quran mempunyai beberapa konotasi yang kadang kala berbeza, hampir sama atau menjauh dari semasa ke semasa dan dari persekitaran ke persekitaran pada zaman dan masa yang sama. Kefahaman yang betul dan tepat tentang sesuatu lafaz tunggal al-Quran dapat dicapai jika waktu penurunannya diketahui, konotasi langsungnya, dan kegunaannya pada waktu itu (Al-Gharib, 2018).

Rida (1990) juga menyatakan keperluan untuk menafsirkan al-Quran mengikut makna yang digunakan pada masa penurunan wahyu itu, malah lebih baik jika difahami perkataan tersebut dari al-Quran itu sendiri dengan menghimpunkan apa yang berulang di beberapa tempat dan membuat pemerhatian. Berkemungkinan perkataan tersebut digunakan dengan makna yang berbeza seperti perkataan “hidayah” dan lain-lain. Kemudiannya dipastikan bagaimana makna perkataan tersebut menepati makna frasa ayat. Berdasarkan kaedah ini, akan diketahui makna yang mana satu diperlukan daripada makna-makna yang ada (Rida, 1990).

Antara contoh lafaz yang terdapat lebih daripada satu tempat dalam al-Quran dan mempunyai pelbagai maksud ialah perkataan “خير” (Al-Gharib, 2018):

i. Surah al-Baqarah ayat 180:

كُتِبَ عَلَيْكُمُ إِذَا حَضَرَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ إِن تَرَكَ خَيْرًا الْوَصِيَّةَ لِلْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ بِالْمَعْرُوفِ  
bermaksud peninggalan si mati.

ii. Surah al-Qasas ayat 24:

رَبِّ إِنِّي لِمَا أَنْزَلْتَ إِلَيَّ مِنْ خَيْرٍ فَقِيرٌ

bermaksud makanan dan minuman.

iii. Surah Sad ayat 32:

إِنِّي أَحْبَبْتُ حُبَّ الْخَيْرِ عَنْ ذِكْرِ رَبِّي حَتَّى تَوَارَتْ بِالْحِجَابِ

dengan maksud kuda yang menyibukkan Sulaiman AS daripada bersolat.

iv. Surah al-‘Adiyat ayat 8:

وَإِنَّهُ لِحُبِّ الْخَيْرِ لَشَدِيدٌ

yang bermaksud harta.

Kepelbagaian makna yang didapati daripada lafaz tunggal dalam al-Quran adalah berdasarkan konteks di mana perkataan tersebut berada. Oleh yang demikian, kepekaan dengan kaedah ini dapat menyelamatkan pembaca dan pengkaji al-Quran daripada tersasar maksud dan mendekatkan mereka dengan tujuan yang dimaksudkan.

### Memahami Konteks Ayat

Aspek yang perlu diberi perhatian dalam memahami al-Quran ialah melihat konteks nas tersebut untuk menentukan makna yang dikehendaki lebih-lebih lagi apabila sesuatu perkataan atau frasa yang mempunyai lebih daripada satu makna. Konteks ayat tersebut boleh dilihat melalui ayat sebelum dan selepasnya (Al-Tuwayjiri, 2014). Contoh peranan konteks ayat dalam pemahaman al-Quran ialah firman Allah SWT:

وَهُوَ مَعَكُمْ أَيْنَ مَا كُنْتُمْ

Terjemahan makna: “Dan Ia tetap bersama-sama kamu di mana sahaja kamu berada”

dan

مَا يَكُونُ مِنْ نَجْوَى ثَلَاثَةٍ إِلَّا هُوَ رَابِعُهُمْ وَلَا خَمْسَةٍ إِلَّا هُوَ سَادِسُهُمْ وَلَا أَدْنَىٰ مِنْ ذَلِكَ وَلَا أَكْثَرَ إِلَّا هُوَ  
مَعَهُمْ أَيُّنَ مَا كَانُوا ۖ ثُمَّ يُنَبِّئُهُم بِمَا عَمِلُوا يَوْمَ الْقِيَامَةِ ۚ إِنَّ اللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

Terjemahan makna:

“Tiada berlaku bisikan antara tiga orang melainkan Dia lah yang keempatnya, dan tiada (berlaku antara) lima orang melainkan Dia lah yang keenamnya, dan tiada yang kurang dari bilangan itu dan tiada yang lebih ramai, melainkan Ia ada bersama-sama mereka di mana sahaja mereka berada. Kemudian Ia akan memberi tahu kepada mereka - pada hari kiamat - apa yang mereka telah kerjakan. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”

Para salaf seperti Ibn ‘Abbas, Sufyan al-Thawri, dan ramai lagi mengikat kebersamaan yang disebutkan dalam ayat tersebut dan seumpamanya dengan kebersamaan dari segi pengetahuan (Ibn Kathir, 2000). Hujah dalam perkara tersebut ialah *dilalah* (pemaknaan) konteks dan konteksnya ialah pengetahuan (Al-Tuwayjiri, 2014). Ayat lengkap bagi kedua-dua ayat ialah firman Allah:

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ ۗ مَا يَكُونُ مِنْ نَجْوَى ثَلَاثَةٍ إِلَّا هُوَ رَابِعُهُمْ وَلَا خَمْسَةٍ إِلَّا هُوَ سَادِسُهُمْ وَلَا أَدْنَىٰ مِنْ ذَلِكَ وَلَا أَكْثَرَ إِلَّا هُوَ مَعَهُمْ أَيُّنَ مَا كَانُوا ۖ ثُمَّ يُنَبِّئُهُم بِمَا عَمِلُوا يَوْمَ الْقِيَامَةِ ۚ إِنَّ اللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٧﴾

Terjemahan makna:

“Tidakkah engkau memikirkan, bahawa sesungguhnya Allah mengetahui segala yang ada di langit dan yang ada di bumi? Tiada berlaku bisikan antara tiga orang melainkan Dia lah yang keempatnya, dan tiada (berlaku antara) lima orang melainkan Dia lah yang keenamnya, dan tiada yang kurang dari bilangan itu dan tiada yang lebih ramai, melainkan Ia ada bersama-sama mereka di mana sahaja mereka berada. Kemudian Ia akan memberi tahu kepada mereka - pada hari kiamat - apa yang mereka telah kerjakan. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.” (Surah al-Hadid: 4)

dan

يَعْلَمُ مَا يَلِجُ فِي الْأَرْضِ وَمَا يَخْرُجُ مِنْهَا وَمَا يَنْزِلُ مِنَ السَّمَاءِ وَمَا يَعْرُجُ فِيهَا ۗ وَهُوَ مَعَكُمْ أَيُّنَ مَا كُنْتُمْ ۗ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Terjemahan makna:

“Ia mengetahui apa yang masuk ke bumi serta apa yang keluar daripadanya; dan apa yang diturunkan dari langit serta apa yang naik padanya. Dan Ia tetap bersama-sama kamu di mana sahaja kamu berada, dan Allah Maha Melihat akan apa yang kamu kerjakan.” Surah al-Mujadilah:7)

Permulaan dan pengakhiran kepada ayat-ayat tersebut ialah pengetahuan (Al-‘Uwayd, 2010). Justeru konteks ayat sangat penting dalam memahami al-Quran dengan betul, sama ada mengkhususkan yang umum, mengikat yang mutlak, atau sebaliknya, atau mentarjihkan perbezaan mufassir (Al-‘Uwayd, 2010).

### Mengetahui *Dilalah* Ayat

Frasa-frasa dalam bahasa Arab mempunyai pengaruh dalam mendapatkan makna yang sempurna dan mengetahui sebaik-baik bentuk tafsir. Frasa-frasa tersebut terbahagi kepada ungkapan yang pelbagai dan antara yang membantu dalam memahami al-Quran ialah mengetahui perkara yang mempunyai kaitan dengan tafsir seperti *dilalah* (pemaknaan) frasa kata kerja dan kata nama, *dilalah al-taqdim wa al-ta'khir* (pemaknaan perawalan dan pengakhiran) dalam frasa dan selain keduanya (Al-Tuwayjiri, 2014).

*Jumlah ismiah* (frasa kata nama) kebiasaannya menunjukkan perkara yang berterusan dan tetap tanpa ikatan masa, sebagai contoh firman Allah SWT: الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ selayaknya secara berterusan dan tetap baginya. Manakala *jumlah fi'liyyah* (frasa kata kerja) biasanya menunjukkan penjana semula dan pembaharuan kerana terdapat ikatan masa, contohnya firman Allah SWT عَمَّ يَتَسَاءَلُونَ , didatangkan يَتَسَاءَلُونَ dengan kata kerja menunjukkan kemunculan semula (Al-'Uwayd, 2010). Contoh lain ialah firman Allah SWT:

إِذْ دَخَلُوا عَلَيْهِ فَقَالُوا سَلَامًا قَالَ سَلَامٌ قَوْمٌ مُنْكَرُونَ

Terjemahan makna:

"Ketika mereka masuk mendapatkannya lalu memberi salam dengan berkata: "Salam sejahtera kepadamu!" Ia menjawab: Salam sejahtera kepada kamu! "(Sambil berkata dalam hati): mereka ini orang-orang yang tidak dikenal." (Surah al-Dharyat: 25)

Ayat tersebut mengandungi pujian kepada Nabi Ibrahim AS dan baginda membalas salam lebih baik daripada apa yang mereka sampaikan kepadanya. Ucapan salam daripada mereka menggunakan *isim mansub* (kata nama berbaris atas) yang mengandungi *jumlah fi'liyyah* (ayat yang dimulai dengan kata kerja) dengan anggapan: Kami telah memberi salam kepada kamu dengan satu salam. Sementara ucapan jawab salam Nabi Ibrahim menggunakan *isim marfu'* (kata nama berbaris depan) yang mengandungi *jumlah ismiyyah* (ayat yang dimulai dengan kata nama) dengan anggapan: Salam yang berterusan atau berpanjangan ke atas kamu. Ini menunjukkan penghormatan Nabi Ibrahim lebih sempurna dan lebih baik (Al-Jawziyyah, n.d.).

Dalam perbahasan berkenaan *al-taqdim wa al-ta'khir* (perawalan dan perakhiran), dibolehkan untuk mendahulukan sebahagian komponen frasa ke atas sebahagian yang lain. Frasa-frasa dalam al-Quran telah mengesahkan perkara tersebut dengan merujuk pada makna dan menunjukkan tujuan, sehingga menjadikan ayat tersebut dengan komposisi yang sedemikian berdasarkan kaedah psikologi yang mendahulukan apa yang dirasa perlu didahulukan (Al-Badawi, 2005).

Kelebihan dalam *al-taqdim wa al-ta'khir* (perawalan dan perakhiran) antaranya ialah menjelaskan kepentingan sesuatu (Al-'Uwayd, 2010). Firman Allah SWT:

قُلْ إِنْ كَانَ آبَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ وَإِخْوَانُكُمْ وَأَزْوَاجُكُمْ وَعَشِيرَتُكُمْ وَأَمْوَالٌ اقْتَرَفْتُمُوهَا وَتِجَارَةٌ تَخْشَوْنَ كَسَادَهَا وَمَسَاكِينُ تُرَضُّوْنَهَا أَحَبَّ إِلَيْكُمْ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَجِهَادٍ فِي سَبِيلِهِ فَتَرَبَّصُوا حَتَّى يَأْتِيَ اللَّهُ بِأَمْرِهِ ۗ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ ﴿٢٤﴾

Terjemahan makna:

"Katakanlah (wahai Muhammad): "Jika bapa-bapa kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan isteri-isteri (atau suami-suami) kamu, dan kaum keluarga kamu, dan harta benda yang kamu usahakan, dan perniagaan yang kamu bimbang akan merosot, dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai, - (jika semuanya itu) menjadi perkara-perkara yang kamu cintai lebih daripada Allah dan RasulNya dan (daripada) berjihad untuk ugamaNya, maka tunggulah sehingga Allah mendatangkan keputusanNya (azab seksaNya); kerana Allah tidak akan memberi petunjuk kepada orang-orang yang fasik (derhaka)." (Surah Al-Tawbah: 24)

Dalam ayat tersebut didahulukan sebutan usul keturunan hamba (ayah), diikuti dengan cabang-cabang (anak-anak), teman-teman, dan isteri-isteri kerana mereka adalah orang asing yang dapat diganti dengan selainnya.

Selain itu *taqdim wa ta'khir* (perawalan dan perakhiran) juga memberi pernyataan pengkhususan atau pembatasan (Al-'Uwayd, 2010). Firman Allah SWT: إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ . Mendahulukan *al-ma'mul* (lafaz yang huruf akhirnya mengalami perubahan baris

hasil pengaruh daripada pelaku perbuatan) menunjukkan pengehadan/pembatasan sama ada terhadap *maf'ul* (subjek yang dikenakan perbuatan), *zarf* (kata tempat/masa), atau *majrur* (kata nama yang diawali dengan huruf *Jarr*). Justeru dikatakan ayat tersebut bermaksud “Kami mengkhususkan Engkau dalam ibadat dan memohon pertolongan (Al-Suyuti, 1974).

Tujuan lain *taqdim wa ta'khir* (perawalan dan perakhiran) ialah memberi perhatian terhadap faktor (Al-'Uwayd, 2010). Firman Allah SWT:

قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَعْضُوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ

Terjemahan makna:

“Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka.” (Surah al-Mu'minun: 30)

Dalam ayat tersebut didahulukan menundukkan pandangan kerana zina mata membawa kepada zina kemaluan. Contoh lain ialah firman Allah:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ

Terjemahan makna:

“Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat, dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri.” (Surah al-Baqarah: 222)

Dalam ayat tersebut didahulukan orang-orang yang banyak bertaubat kerana taubat merupakan sebab kepada kesucian.

### Mengetahui Wacana al-Quran

Turunnya al-Quran adalah dalam bahasa bangsa Arab. Al-Quran berbicara dengan ucapan mereka, menangani masalah mereka, dan menerangkan dalam bahasa mereka, sebagai menepati janji Allah SWT dalam penurunan kitab-kitab suci dan perutusan para Rasul (Al-Gharib, 2018). Firman Allah SWT:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَسُولٍ إِلَّا بِلِسَانِ قَوْمِهِ لِيُبَيِّنَ لَهُمْ فَيُضِلُّ اللَّهُ مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي مَنْ يَشَاءُ ۗ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Terjemahan makna:

“Dan Kami tidak mengutuskan seseorang Rasul melainkan dengan bahasa kaumnya supaya ia menjelaskan (hukum-hukum Allah) kepada mereka. Maka Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya), juga memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya); dan Dia lah jua Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.” (Surah Ibrahim: 4)

Al-Quran adalah sangat unik dalam wacana dan penerangannya, petunjuk dan bahasanya, dengan struktur tertentu dan frasa khusus yang menjadi kajian para sarjana pada masa lalu dan kini (Al-Gharib, 2018). Penekanan kepada ungkapan-ungkapan ini akan memberikan pemahaman yang mendalam terhadap ayat-ayat al-Quran.

Ibn 'Ashur (1884) turut berpendirian bahawa mufassir hendaklah mengetahui kebiasaan penggunaan al-Quran dari segi susunan dan perkataan dan beliau memberikan beberapa contoh yang dikemukakan oleh mufassir terdahulu dalam perkara tersebut. Antaranya ialah setiap perkataan *كأس* dalam al-Quran merujuk kepada *al-khamr* (arak), perkataan *مطر* membawa erti azab, setiap ungkapan *يا أيها الناس* merujuk kepada penduduk Mekah yang musyrik, dan terdapat beberapa makna yang hampir-hampir tidak berpisah seperti puasa dan zakat, lapar dan takut, syurga dan neraka, galakan dan amaran, Muhajirin dan Ansar, jin dan manusia, manfaat dan mudarat, dan langit dan bumi.

## Mengetahui Adat dan Kisah Masyarakat Arab

Usaha memahami isi kandungan al-Quran mestilah disertakan dengan pengetahuan tentang adat bangsa Arab. Turunnya al-Quran adalah membincangkan adat yang mewakili kehidupan peribadi bangsa Arab yang memiliki ciri dan sifat unik yang menjadi pertimbangan ketika Allah SWT memerintahkan, melarang, menasihati, membimbing dan memandu mereka ke jalan yang lurus (Al-Gharib, 2018). Contoh adat-istiadat dalam kehidupan orang-orang Arab yang terdapat dalam al-Quran ialah mereka memasuki rumah daripada belakang pada bulan suci. Perkara ini digambarkan oleh al-Quran melalui ayat:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْأَهْلِ ۖ قُلْ هِيَ مَوَاقِيْتُ لِلنَّاسِ وَالْحَجِّ ۗ وَلَيْسَ الْبِرُّ بِأَنْ تَأْتُوا الْبُيُوتَ مِنْ ظُهُورِهَا وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنِ اتَّقَى ۗ وَأْتُوا الْبُيُوتَ مِنْ أَبْوَابِهَا ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٨٩﴾

Terjemahan makna:

“Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) mengenai (peredaran) anak-anak bulan. Katakanlah: "(peredaran) anak-anak bulan itu menandakan waktu-waktu (urusan dan amalan) manusia, khususnya ibadat Haji. Dan bukanlah perkara kebajikan: kamu memasuki rumah dari bahagian belakangnya (ketika kamu berihram) akan tetapi kebajikan itu ialah perbuatan orang yang bertaqwa; dan masuklah ke rumah (Kamu) itu melalui pintunya, serta bertaqwalah kamu kepada Allah supaya kamu berjaya.” (Surah al-Baqarah: 222)

Mufassir mengatakan bahawa orang Arab sekiranya mereka berihram haji atau umrah dari negara mereka, mereka menjadikan pantang larang individu berihram tidak memasuki rumah melalui pintu depan dan tidak memasuki ke bawah bumbung yang akan menghalangnya dari langit, dan jika individu berihram ingin mengambil sesuatu daripada rumah mereka, mereka akan memasuki bahagian belakang rumah. Mereka membuat tingkap di belakang rumah bagi yang mempunyai rumah dan bagi yang tinggal di khemah, mereka akan masuk melalui belakang khemah (Ibn ‘Ashur, 1884).

Selain adat budaya bangsa Arab, pengetahuan berkenaan kisah-kisah bangsa Arab juga sangat penting dalam mengetahui kehalusan makna ayat al-Quran. Sebagai contoh ayat وَلَا

تَكُونُوا كَالَّذِينَ نَقَّضْتُ عَنْهُمْ مِيثَاقَهُمْ لَعَنَّاهُمْ فَسَلُّوا قُلُوبَهُمْ وَعَدَّوْا ۖ وَلَا يَرْجِعُونَ ﴿١٨٩﴾ tertakluk kepada pengetahuan berkenaan kisah-kisah bangsa Arab (Al-Gharib, 2018). Pengetahuan mengenai kisah-kisah bangsa Arab memungkinkan pentafsir dan pembaca al-Quran mulia untuk membayangkan kehidupan sosial di mana al-Quran diturunkan, berbicara kepada orang-orang Arab, memerintahkan, dan melarang, serta membimbing mereka, sebagai perakuan kepada sebahagian kebiasaan, kepercayaan dan adat resam orang Arab, dan memperbaiki sebahagian yang lain (Al-Gharib, 2018). Ibn ‘Ashur (1884) menafikan pandangan golongan yang menganggap mengetahui kisah-kisah Arab sebagai sesuatu yang sia-sia kerana bagi beliau perkara tersebut ialah sebahagian daripada kesusasteraan bangsa Arab.

## Mengetahui *al-Waqf* dan *al-Ibtida'*

*Waqf* (وقف) menurut bahasa ialah berhenti atau menahan. Dari segi istilah pula ialah memutuskan suara pada sesuatu perkataan buat seketika kebiasaannya untuk mengambil nafas dengan niat untuk meneruskan pembacaan (Al-Jazari, 1986). Manakala *ibtida'* (ابتداء) menurut bahasa ialah bermula dan dari segi istilah ialah permulaan dalam bacaan sama ada selepas memutuskan dan meninggalkan bacaan atau setelah wakaf (Nasr, 1992).

Pengetahuan berkenaan *waqf* dan *ibtida'* sangat membantu dalam mengetahui kesempurnaan makna. Khilaf dalam tempat *waqf* memberikan kefahaman yang berbeza seperti perselisihan ulama dalam ayat di bawah:



وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُ إِلَّا اللَّهُ ۗ وَالرَّاسِخُونَ فِي الْعِلْمِ يَقُولُونَ آمَنَّا بِهِ كُلٌّ مِّنْ عِنْدِ رَبِّنَا ۗ

Terjemahan makna:

“Padahal tidak ada yang mengetahui Takwilnya (tafsir maksudnya yang sebenar) melainkan Allah. Dan orang-orang yang tetap teguh serta mendalam pengetahuannya dalam ilmu-ilmu agama, berkata:” Kami beriman kepadanya, semuanya itu datangnya dari sisi Tuhan kami.” Surah Ali Imran: 7)

Perbezaan pada tempat *waqf* antara lafaz “Allah” dan “Orang-orang yang mendalam pengetahuannya” menjadi titik tolak perbezaan dalam pentakwilan ayat-ayat *mutasbihat* (Azamat, 2020).

Penelitian terhadap pembahagian ulama tajwid dalam jenis-jenis *waqf ikhtiyari* (wakaf secara pilihan) dan *ibtida*’ adalah bersandarkan kepada makna ayat sama ada sempurna atau sebaliknya (Nasr, 1992). Bagi memudahkan umat Islam mengetahui jenis-jenis wakaf, mashaf al-Quran telah diletakkan tanda-tanda wakaf. Namun ada kalanya pembaca tidak sempat untuk menghentikan bacaan ayat tersebut pada wakaf-wakaf yang ditetapkan, di sinilah penting untuk berhenti pada tempat yang sesuai berdasarkan makna. Contoh firman Allah SWT:

فَجَاءَتْهُ إِحْدَاهُمَا تَمْشِي عَلَى اسْتِحْيَاءٍ قَالَتْ إِنَّ أَبِي يَدْعُوكَ لِيَجْزِيَكَ أَجْرَ مَا سَقَيْتَ لَنَا ۖ

Terjemahan makna:

“Kemudian salah seorang dari perempuan dua beradik itu datang mendapatkannya dengan berjalan dalam keadaan tersipu-sipu sambil berkata: “Sebenarnya bapakku menjemputmu untuk membalas budimu memberi minum binatang ternak kami.” Surah al-Qasas: 25)

Pembaca yang memahami makna akan berhenti pada “عَلَى اسْتِحْيَاءٍ” dan menyambung dengan “قَالَتْ”. Pembaca yang tidak memahami akan memulakan dengan “عَلَى اسْتِحْيَاءٍ” yang memberi maksud perempuan tersebut berjalan dan bercakap dalam keadaan malu, secara tidak langsung mengubah makna al-Quran (Al-Gharib, 2018).

### Berhati-hati dengan Israiliyyat

Salah satu pendekatan al-Quran dalam berbicara tentang bangsa-bangsa sebelumnya adalah menghadkan penyampaian kisah-kisah mereka kepada pengajaran dan peringatan yang terdapat padanya, tanpa menyebutkan nama-nama individu, perincian peristiwa, dan masa. Ini kerana al-Quran adalah kitab panduan dan tidak memberi perhatian terhadap peristiwa-peristiwa kecuali sekadar untuk tujuan pelajaran dan pengajaran di dalamnya. Namun sebaliknya bagi kitab-kitab suci orang bukan Islam kerana kitab-kitab tersebut menyebutkan banyak perincian yang tidak disebutkan al-Quran (Al-Zakiyy, 2013).

Isu yang amat berkait rapat dengan penceritaan kisah ialah Israiliyyat. Israiliyyat secara umum ialah kisah-kisah yang diriwayatkan asalnya daripada sumber-sumber Yahudi. Ulama tafsir dan hadith menggunakan istilah tersebut terhadap perkara-perkara yang lebih luas, iaitu Setiap perkara yang menyerap ke dalam tafsir dan hadis yang asal periwayatannya kembali kepada sumber Yahudi, Nasrani, atau yang lainnya. Bahkan sebahagian mufassirin dan muhaddithin memperluaskan konteks Israiliyyat merangkumi setiap perkara yang sengaja direka oleh musuh-musuh Islam ke dalam tafsir dan hadis yang sama sekali tidak dijumpai dasarnya dalam sumber-sumber lama dengan tujuan untuk merosakkan kesucian Islam (Al-Dhahabi, 2000).

Secara umumnya, riwayat Israiliyyat boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu berdasarkan; 1. Status perkhawaran; 2. persepakatan dengan syariat; dan 3. topik (Al-Dhahabi, 2000). Aspek status perkhawaran merangkumi sahih dan lemah (termasuk juga palsu) (Al-Dhahabi, 2000), sementara aspek persepakatan dengan syariah pula ada tiga jenis iaitu:

- i. Israiliyyat yang bertepatan dengan syariat Islam dan jenis ini harus diriwayatkan.
- ii. Israiliyyat yang bercanggah dengan syariat, serta menyalahi logik akal. Israiliyyat daripada bahagian ini tidak harus diriwayatkan.
- iii. Israiliyyat yang didiamkan oleh syariat dan tiada sesuatu yang menyokong atau menolaknya. Bahagian ini tidak perlu kita membenarkannya dan tidak juga mendustakannya tetapi harus diriwayatkannya (Al-Dhahabi, n.d.; Ibrahim & Mohamad, 2004).

Manakala aspek topik merangkumi akidah, hukum hakam, dan peringatan atau peristiwa yang tidak berkait dengan akidah dan hukum hakam (Al-Dhahabi, n.d.).

### Mengetahui Ilmu Psikologi Manusia

Apa yang dimaksudkan dengan ilmu psikologi manusia ialah ilmu pengetahuan berkaitan sifat manusia pada umumnya, perkembangan, peranan, dan perbezaan mereka. Ilmu ini memaparkan kepada generasi terkemudian apa yang dilalui oleh generasi terdahulu dan menyampaikan kepada generasi seterusnya apa yang telah terjadi sebelumnya (Al-Gharib, 2018). Individu yang mengikuti ayat-ayat al-Quran akan mendapati al-Quran turun dengan menyebutkan kisah-kisah umat terdahulu, dan menggambarkan sebab-sebab pengekaln atau kemusnahan mereka serta faktor-faktor kekuatan atau kelemahan mereka. Penekanan terhadap pengetahuan ini akan memberikan kemampuan untuk mencapai inti pati al-Quran (Al-Gharib, 2018).

Rida (1990) turut menyatakan keperluan memberi perhatian kepada ilmu psikologi manusia dalam memahami al-Quran yang banyak menjelaskan perihal penciptaan dan sifatnya, dan sunnatullah pada manusia, malah turut menceritakan kisah terbaik tentang umat-umat terdahulu. Beliau mempersoalkan bagaimana individu boleh mentafsirkan firman Allah:

كَانَ النَّاسُ أُمَّةً وَاحِدَةً فَبَعَثَ اللَّهُ النَّبِيِّنَ مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ

Terjemahan makna:

Pada mulanya manusia itu ialah umat yang satu (menurut ugama Allah yang satu, tetapi setelah mereka berselisihan), maka Allah mengutuskan Nabi-nabi sebagai pemberi khabar gembira (kepada orang-orang yang beriman dengan balasan Syurga, dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar dengan balasan azab neraka) (Surah al-Baqarah: 213)

sedangkan dia tidak mengetahui psikologi manusia, bagaimanakah mereka bersatu dan berpecah, dan apakah makna perpaduan yang dimaksudkan serta adakah perpaduan tersebut memberi manfaat atau mudarat.

### Menjiwai Ayat dan Makna

Dalam pembacaan al-Quran, seseorang individu harus menjiwai ayat dan makna seolah-olah dia menghayatinya secara realiti dalam kehidupan seperti mana para sahabat RA bersama-sama dengan al-Quran. Ayat-ayat al-Quran turun pada beberapa perkara yang para sahabat RA mulakan dengan tangan mereka sendiri atau melihat dengan mata sendiri, atau mereka melalui kengeriannya, justeru mereka menjalani pahit manis, gembira dan duka, dan menanggung penderitaannya, serta menyedari keadaannya (Al-Tuwayjiri, 2014).

Pemahaman nas-nas al-Quran dan makna-makna ketuhanan yang sebenar dapat dicapai apabila seseorang melalui keadaan yang sama seperti apa yang dialami pada kali pertama dan merasai hakikat, penurunan, dan balaghahnya. Di sinilah nas-nas terbuka untuk diketahui isi kandungannya yang sempurna dan di sini juga diubah nas-nas tersebut daripada kalimah dan kertas menjadi pematuhan dan tindakan (Al-Tuwayjiri, 2014).

## KESIMPULAN

Kaedah memahami ayat hafazan yang betul adalah penting dalam memastikan ayat al-Quran difahami dengan tepat sebelum pengintegrasian dengan ilmu aqli dilakukan. Ini kerana banyak perkara yang perlu diambil kira dalam memahami ayat al-Quran yang diturunkan dalam bahasa Arab dan mempunyai pelbagai latar belakang dalam penurunannya. Malah terdapat ayat al-Quran yang masih dikekalkan bacaannya walaupun hukum yang terkandung dalam ayat tersebut telah dimansuhkan. Justeru, pengetahuan berkenaan 'ulum al-Quran juga sangat penting selain penguasaan bahasa Arab dalam memahami keseluruhan kandungan al-Quran. Tidak ketinggalan juga ilmu-ilmu seperti ilmu psikologi yang turut membantu dalam pemahaman sebahagian ayat.

## RUJUKAN

- Abd. Rahman, M. M. (1996). Al-Hadith: Kedudukan Dan Peranannya. *Jurnal Usuluddin*, 4, 27–40.
- Abu Al-Wafa, A. A. (1999). *Al-Nur Al-Mubin li Tahfiz Al-Quran Al-Karim*. Dar Al-Wafa'.
- Ahmad, M., Kasmani, M. F., Sipon, S., & Saleh, N. S. S. N. (2017). Islamic Science Approach in Higher Education : The Agenda on The Integration of Naqli and Aqli Knowledge in USIM. *Proceeding IAIN Batusangkar*, 806–811.
- Al-'Ak, K. 'Abd al-R. (1986). *Usul Al-Tafsir wa Qawa'iduhu* (2nd ed.). Dar Al-Nafa'is.
- Al-'Uwayd, 'Isam Salih. (2010). *Al-Marahil Al-Thaman li Talib Famh Al-Qur'an*. Markaz Tadabbur li Al-Dirasat.
- Al-Badawi, A. A. 'Abd A. (2005). *Min Balaghah Al-Qur'an*. Nahdah Misr.
- Al-Baghawi, A.-H. I. M. (2002). *Ma'alim al-Tanzil*. Dar Ibn Hazm.
- Al-Bukhari, M. I. I. (1979). *Al-Jami' Al-Sahih*. Al-Matba'ah Al-Salafiyah.
- Al-Dhahabi, M. H. (n.d.). *Israiliyat fi Al-Tafsir Wa Al-Hadith*. Maktabah Wahbah.
- Al-Dhahabi, M. H. (2000). *Al-Tafsir wa Al-Mufasssirun* (7th ed.). Maktabah Wahbah.
- Al-Gharib, R. K. Z. (2018). *Fahm Al-Qur'an bayna Al-Qawa'id Al-Dabitah wa Al-Mazaliq Al-Muhlikah*. Dar Al-Bashir li Al-Thaqafah wa Al-'Ulum.
- Al-Jawziyyah, I. A.-Q. (n.d.). *Al-Risalah Al-Tabukiyyah.pdf*. Dar 'Alim Al-Fawa'id.
- Al-Jazari, M. bin M. (1986). *Al-Tamhid fi 'Ilm Al-Tajwid*. Muassasah Al-Risalah.
- Al-Khalidi, S. 'Abd al-F. (2008). *Ta'rif al-Darasin bi Manahij Al-Mufasssirin* (3rd ed.). Dar Al-Qalam.
- Al-Qattan, M. (1997). *Mabahith fi 'Ulum al-Qur'an* (7th ed.). Maktabah Wahbah.
- Al-Salih, S. (2000). *Mabahith fi 'Ulum Al-Qur'an* (24th ed.). Dar Al-'Ilm li Al-Malayiin.
- Al-Shatibi, I. bin M. (1997). *Al-Muwafaqat*. Dar Ibn 'Affan.
- Al-Suyuti, 'Abd Al-Rahman Ibn Abi Bakr Jalal Al-Din. (1974). *Al-Itqan fi 'Ulum Al-Qur'an*. Al-Hai'ah Al-Misriyyah Al-'Ammah li Al-Kitab.
- Al-Tabari, M. I. J. (2001). *Jami' Al-Bayan 'an Ta'wil 'Ay al-Qur'an*. Dar Hajr.
- Al-Tuwayjiri, 'Abd Al-Latif 'Abd Allah. (2014). *Tadabbur Al-Qur'an Al-Karim*. Maktabah Dar Al-Minhaj.
- Al-Wahidi, A. A.-H. 'Ali. (1991). *Asbab Nuzul Al-Qur'an*. Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Al-Zakiyy, M. 'Abd A.-R. (2013). Bayan Al-Qur'an Al-Karim - Ru'yat Manhajiyat fi Al-Fahm wa Al-Tadabbur. *Majallah Al-'Ulum Wa Al-Buhuth Al-Islamiyyah*, 14(2), 1–20.
- Al-Zarqani, M. A. A. (2001). *Manahil Irfan fi 'Ulum Al-Qur'an*. Dar Al-Fikr.
- Ali, M. Z. M., Jaya, M. A., Jan, N. M., Said, N. H. I. M., Bakri, A. A. Z., & Subri, I. M. (2021). *Cadangan Kaedah Hafazan Tematik dengan Kurikulum Pendidikan Pintar Berbakat Integrasi Naqli dan 'Aqli Kepada Murid Pintar Berbakat di Kolej GENIUS Insan USIM* (A. Ismail, S. Sulaiman, M. N. Musling, S. R. Mat, A. A. Rahman, H. 'Azeemi A. Thaidi, & N. R. S. M. Dali (Eds.); Issue September, pp.

- 436–450). USIM Press.
- Ayyub, H. M. (2004). *Al-Hadith fi 'Ulum Al-Qur'an wa Al-Hadith* (2nd ed.). Dar Al-Salam.
- Azamat, T. (2020). Revisiting Muhkam and Mutashabih Ayat. *Islamic Perspective*, 24, 53–66.
- Dzulhadi, Q. N. (2017). Urgensi Tafsir Sahabat dalam Memahami Alquran. *Al-'Ibrah: Jurnal Studi Keislaman*, 12(2).
- Firdausi, M. A. (2015). Membincang Ayat-ayat Muhkam Dan Mutashabih. *ULUL ALBAB Jurnal Studi Islam*, 16(1), 80–88. <https://doi.org/10.18860/ua.v16i1.2930>
- Hilmi, A. B. A., Yusoff, Z. H. M., & Amir, S. (2015). Terjemahan Makna Kalimah Al-Muzn Dan Yasbahun: Satu Penilaian Semula Berdasarkan Kaedah Tafsir 'Ilmi. *'Ulum Islamiyyah*, 16(Dec), 141–167. <https://doi.org/https://doi.org/10.33102/uij.vol16no0.125>
- Husni, M. (2019). Studi Al-Quran: Teori Al-Makkiyah dan Al-Madaniyah. *Al-'Ibrah*, 4(2), 68–84.
- Hussin, R., A. Rahman, S. H., Yusoff, S. H., Sabran, R., & Hassan, F. (2019). Barakah Ilmu Melalui Penggunaan Teknologi Komunikasi, Ipad dan Keberkesanannya. *'Abqari Journal*, 20(2), 131–144. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol20no2.220>
- Ibn 'Ashur, M. A.-T. (1884). *Tafsir Al-Tahrir wa Al-Tanwir*. Dar Al-Tunisiyyah.
- Ibn Kathir, I. 'Umar. (2000). *Tafsir Al-Qur'an Al-'Azim*. Muassasah Qurtubah.
- Ibrahim, M., & Mohamad, A. K. (2004). Israiliyyat dalam Kitab Tafsir Anwar Baidhawi. *ISLAMIYYAT*, 26(2), 23–37.
- Islaieh, A. I. S., Jailani, M. R. M., Zainuddin, N., Kamaruddin, W. A. Z. W., & Zakaria, Z. (2020). Ieinitiative: Interactive Online Platform in Teaching and Learning Arabic for Gifted Students. *International Journal of Advanced Science and Technology*, 29(6 Special Issue), 1317–1328.
- Isma'il, M. B. (1999). *Dirasat fi 'Ulum Al-Qur'an* (2nd ed.). Dar Al-Manar.
- Nahar, S. (2016). Keberadaan Ayat Muhkam dan Mutashabih dalam al-Qur'an. *Jurnal Nizhamiyah*, VI(No.2), 1–18.
- Nasr, 'Atiyyah Qabil. (1992). *Ghayah al-Murid fi 'Ilm Al-Tajwid*. Dar Al-Haramayn li Al-Taba'ah.
- Razak, M. N. L. A. (2004). *Penterjemahan Makna al - Qur'an: Kajian Ke Arah Melahirkan Kaedah Penterjemahan Makna al- Qur'an*. University of Malaya.
- Rida, M. R. 'Ali. (1990). *Tafsir Al-Manar*. Al-Hai'ah Al-Misriyyah Al-'Ammah li Al-Kitab.
- Spawi, M. (2021). *Engaging Gifted and Talented Students in Learning History Through Historical Thinking Skills: A Study at Kolej GENIUS Insan, USIM*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Tg Abdul Rahman, T. A. F., Ahmad Sukri, H. F., Hipni, H. I., Mohd Tarmizi, M. H., Nisham, M. R. R., Mohamed, M. A. H., Yusoff, M. A., Adnin, M. H., & Mohd Fauzi, M. N. (2021). *Modified Monopoly Deal Game for Learning the Declension of Arabic Words*. 14(1), 1–18. <https://doi.org/https://doi.org/10.37134/bitara.vol14.2.1.2021>
- Yusoff, Z. H. M. (1997). Tafsir Al-Qur'an Bi Al-Ma'thur: Satu Analisa Terhadap Tafsir Al-Qur'an Bi Al-Qur'an dan Tafsir Al-Qur'an Bi Al-Hadith. *Jurnal Usuluddin*, 5, 21–30.
- Zainol, N. Z. N., & Majid, L. A. (2012). Sejarah Perkembangan Tafsir Pada Zaman Rasulullah SAW, Sahabat dan Tabiin. *Journal of Techno Social*, 4(2), 43–54.
- Zakaria, Z., Hilmi, A. B. A., & Spawi, M. (2017). Grooming Future Muslim Leaders at PERMATA Insan College with The Integration of Naqli and Aqli Knowledge. *Al-'Abqari*, 11, 65–75. <https://doi.org/https://doi.org/10.33102/abqari.vol11no1.111>